

Sekitar pendaftaran pelajar baharu sesi 2019/2020



Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Dr Aini Ideris (dua dari kanan) beramah mesra bersama-sama atlet negara yang mendaftar sebagai pelajar baharu ketika sesi pendaftaran pelajar baharu UPM, baru-baru ini.



Sebahagian daripada pelajar yang mendaftar k tika sesi pendaftaran pelajar baharu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima kemasukan 2,599 calon daripada lepasan Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi/Diploma/Setaraf bagi mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Semester September Sesi Akademik 2019/2020 di ketiga-tiga kampus UMK.



Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, mendekati pelajar yang terpilih sebagai penerima sumbangan Dermasiswa Al-Ikhlas.



Sesi pendaftaran pelajar baharu di Kolej Kedua



Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abdul Shukor (dua dari kanan) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Prof Ir Dr Othman A Karim (kanan) beramah mesra bersama-sama pasangan kembar dan adik-beradik, Ameedtri Tha Wip, 19 (tiga dari kanan), Ameedtra Tha Wip, 19 (empat dari kanan), Sasha Azmi, 19 (lima dari kanan), dan Zumika Azmi, 21, pada sidang media Pendaftaran Pelajar Baharu UKM Sesi Akademik 2019/2020, baru-baru ini.



Antara pelajar yang hadir pada majlis Pendaftaran Pelajar Baharu Universiti Malaya (UM) Sesi 2019/2020, minggu lalu.



Universiti Teknologi MARA (UiTM) turut menjalankan majlis pendaftaran pelajar baharu di semua kampus universiti berkenaan pada minggu lalu.